

Headline	MRCB George Kent dilantik sebagai PDP projek LRT3
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	05 Sep 2015
Section	Dlm Negeri
Page No	4
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



## **MRCB-George Kent dilantik sebagai PDP projek LRT3**

**KUALA LUMPUR 4 Sept.** - Kementerian Kewangan melantik Malaysian Resources Corporation Bhd. (MRCB) dan George Kent (M) Bhd. (George Kent) sebagai rakan penyampaian projek (PDP) kepada Prasarana Malaysia Bhd. (Prasarana) bagi melaksanakan projek Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3).

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Datuk Azmi Abdul Aziz berkata, kedua-dua syarikat yang menjalinkan usahasama itu akan memulakan kerja-kerja penelitian terhadap reka bentuk projek dihasilkan Prasarana sebelum ini dalam masa terdekat.

"Pelantikan kedua-dua syarikat ini juga bagi membolehkan mereka dapat bekerjasama dengan pra kelayakan kontraktor yang akan dijemput menyertai projek ini selewat-lewatnya pada Disember ini.

"Kita berharap rakyat terutama yang tinggal berdekatan jajaran dapat menerima manfaat daripada pelaburan yang dibuat kerajaan ini," katanya dalam sidang akhbar selepas menyaksikan penyampaian surat pelantikan PDP tersebut, di sini hari ini.